

19 OCT 2001

BELANJAWAN-CUKAI PENDAPATAN

CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU DIKURANGKAN SATU PERATUS KEPADA 28 PERATUS

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Dalam pembentangan Belanjawan 2002nya di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengurangkan cukai pendapatan persendirian sebanyak di antara satu dan dua peratus manakala kadar maksimum cukai pendapatan sebanyak 29 peratus pada masa ini dikurangkan kepada 28 peratus.

"Ini akan mengakibatkan kehilangan hasil kerajaan sebanyak RM873 juta. Tetapi, jumlah wang sebanyak RM873 juta ini akan berada di tangan pengguna untuk dibelanja dan melariskan berbagai jenis kegiatan ekonomi yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan KDNK," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, kadar cukai pendapatan individu tertinggi sebanyak 29 peratus sekarang akan dikurangkan kepada 28 peratus bagi menyamai kadar cukai pendapatan korporat.

Beliau menambah kata, untuk mendorong daya usaha kerja, pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar cukai tertinggi dinaikkan daripada melebihi RM150,000 kepada melebihi RM250,000.

Dr Mahathir berkata, selaras dengan pengurangan ini, kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan satu mata peratus manakala kadar cukai pendapatan bagi bukan pemastautin akan dikurangkan daripada 29 peratus kepada 28 peratus.

Pada masa ini, kadar cukai pendapatan bagi individu pemastautin dan koperasi adalah di antara sifar peratus dan 29 peratus.

Bagi individu pemastautin, pendapatan bercukai tertakluk kepada kadar cukai tertinggi adalah melebihi RM150,00 manakala bagi koperasi adalah melebihi RM500,000.

Bagi individu bukan pemastautin, kadar cukai pendapatan yang dikenakan adalah 29 peratus. -- BERNAMA

ER SEL KY OS